

**HUBUNGAN ANTARA PELIBATAN IBU BAPA
DAN SIKAP MURID TERHADAP PEMAHAMAN
BACAAN BAHASA TAMIL DALAM KALANGAN
MURID INDIA SEKOLAH MENENGAH**

ARTHILETCHEMY A/P SUBERAMANIAM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**HUBUNGAN ANTARA PELIBATAN IBU BAPA
DAN SIKAP MURID TERHADAP PEMAHAMAN
BACAAN BAHASA TAMIL DALAM KALANGAN
MURID INDIA SEKOLAH MENENGAH**

oleh

ARTHILETCHEMY A/P SUBERAMANIAM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2021

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Associate Profesor Dr. Shuki Osman yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar serta motivasi kepada saya tanpa mengira masa dari peringkat awal sehinggalah tesis ini dapat disempurnakan. Tanpa beliau, pengkaji tidak dapat menamatkan perjalanan ini dan budi baik beliau tidak dapat dibalas dengan kata-kata. Pengkaji turut merakamkan penghargaan kepada penyelia utama saya Dr. Al-Amin Mydin yang sentiasa memberi motivasi dan membantu pengkaji bersedia untuk ‘viva voice’ serta memantapkan tesis selepas pembentangan. Pengkaji juga ingin merakamkan terima kasih kepada bekas pensyarah USM, Profesor Dr. Subdrah Madhawa Nair yang telah mendorong pengkaji untuk meneruskan pengajian dan banyak memberikan bantuan dan bimbingan kepada pengkaji dalam menyiapkan tesis ini. Pengkaji juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung penghargaan kepada Dekan Pusat Ilmu Pendidikan, Profesor Madya Dr. Shaik Abdul Malik Bin Mohamed Ismail dan bekas Timbalan Dekan, Profesor Dr. Muhammad Kamarul Kabilan Bin Abdullah atas dorongan, cadangan dan bantuan yang diberikan kepada pengkaji. Pengkaji juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Profesor Dr. Moses Stephens Hunams Samuel, Profesor Madya Dr. Mohammad Zohir Bin Ahmad @ Shaari, Dr. Siti Hawa Binti Abdullah dan Profesor Madya Dr. Jamalsafri Saibon atas bimbingan dan teguran membina yang diberikan untuk menyiapkan dan memantapkan tesis ini. Kepada pensyarah-pensyarah dan staf-staf sokongan di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan terutamanya Encik Mohd Jaya Mohd Johan, pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih atas segala galakan, cadangan dan bantuan yang telah dihulurkan kepada pengkaji.

Pengkaji juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengarah Pendidikan Negeri Kedah, Pengetua-Pengetua SMK di daerah Kuala Muda/Yan, Kedah yang telah memberikan kebenaran dan sokongan penuh kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji juga ingin merakamkan penghargaan kepada guru-guru dan murid-murid India yang telah memberikan kerjasama kepada penyelidik semasa proses pengumpulan data. Terima kasih juga diucapkan kepada guru-guru dan pensyarah-pensyarah yang telah memberikan nasihat dan pandangan semasa penyediaan alat ukur. Pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih kepada guru-guru yang telah memberikan kerjasama dan memeriksa kertas jawapan murid yang terlibat dalam kajian ini.

Akhir sekali pengkaji ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada arwah ibu bapa dan adik saya yang berharapan tinggi terhadap penyelidik. Saya juga turut berterima kasih kepada semua ahli keluarga serta rakan-rakan saya yang sentiasa memberi sokongan moral dan bimbingan positif kepada saya. Saya berharap penyempurnaan penyelidikan ini akan menjadi inspirasi kepada anak-anak kesayangan saya, Shruti Tripathy dan Tej Tripathy.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian.....	13
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Hipotesis Kajian.....	14
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.7.1 K epentingan kepada masyarakat India	16
1.7.2 Kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysi selaku agensi kerajaan.....	16
1.7.3 Kepentingan dari segi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.....	17
1.8 Batasan Kajian	17
1.8.1 Sampel Kajian.....	18
1.8.2 Kerjasama Guru	18
1.8.3 Tempoh Masa Ujian Dijalankan	18
1.8.4 Kaedah Kajian.....	19
1.9 Definisi Operational	19

1.9.1	Pemahaman Bacaan	20
1.9.2	Bahasa Tamil	20
1.9.3	Murid Tingkatan Empat.....	21
1.9.4	Soalan – soalan tersirat	21
1.9.5	Soalan-soalan tersurat	22
1.9.6	Jenis-jenis Petikan / Teks.....	23
1.9.7	Teks Jenis Ekspositori	24
1.9.8	Teks Jenis Naratif	24
1.9.9	Sikap Murid terhadap Bacaan.....	25
1.9.10	Pelibatan Ibu Bapa	25
1.9.11	Pengekalan Bahasa	26
1.9.12	Peralihan Bahasa.....	27
1.10	Kesimpulan	27
BAB 2 KAJIAN LITERATUR		29
2.1	Pendahuluan.....	29
2.2	Pengajaran Bahasa Tamil di SMK.....	29
2.3	Pemahaman Bacaan	30
2.3.1	Pemahaman Bacaan dari Sudut Psikolinguistik.....	33
2.3.2	Pemahaman Bacaan sebagai Proses Penyelesaian Masalah	35
2.3.3	Pemahaman Bacaan sebagai Proses Metakognitif.....	36
2.3.4	Pemahaman Bacaan sebagai Proses Komunikasi	37
2.4	Teori Pemahaman Bacaan.....	38
2.5	Kajian Tentang Pencapaian Murid dalam Pemahaman Bacaan.....	39
2.6	Kajian tentang Pencapaian Murid dalam Pemahaman Bacaan Mengikut Jenis Teks	42
2.7	Keupayaan Berfikir Murid	45
2.7.1	Soalan-soalan Tersurat dan Soalan-soalan Tersirat	47

2.7.2	Kajian berkaitan Pencapaian Murid dalam Pemahaman Bacaan Mengikut Aras Pemikiran / Jenis Soalan	51
2.8	Pelibatan Ibu Bapa di Rumah.....	55
2.9	Teori berkaitan Pelibatan Ibu Bapa.....	58
2.10	Kajian berkaitan Pelibatan Ibu Bapa.....	61
2.11	Sikap Murid terhadap Bacaan	67
2.12	Teori Sikap terhadap Bacaan	69
2.13	Kajian tentang Sikap Murid terhadap Bacaan	71
2.14	Pengekalan dan Peralihan Bahasa Tamil	77
2.15	Kajian Pengekalan dan Peralihan Bahasa Tamil	80
2.16	Teori Pembelajaran Bahasa.....	85
2.17	Kerangka Teori Kajian.....	88
2.18	Kerangka Konseptual Kajian	90
2.19	Kesimpulan	91
BAB 3	METODOLOGI.....	93
3.1	Pendahuluan	93
3.2	Reka bentuk Kajian.....	93
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	96
3.4	Pemboleh ubah kajian	99
3.4.1	Pemboleh ubah bersandar	100
3.4.2	Pemboleh ubah tidak bersandar	100
3.5	Instrumen Kajian.....	100
3.5.1	Ujian Pemahaman Bacaan	101
3.5.1(a)	Isi Kandungan mengikut JenisTeks dan Keupayaan Berfikir.....	101
3.5.1(b)	Prosedur Penilaian Ujian Pemahaman Bacaan	104
3.5.2	Soal Selidik Kajian	104
3.5.2(a)	Latar Belakang Murid.....	104

3.5.2(b)	Sikap Murid Terhadap Bacaan (SMB)	106
3.5.2(c)	Pelibatan Ibu Bapa (PIB)	108
3.6	Prosedur Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka	110
3.6.1	Kesahan Dalaman	111
3.6.2	Kesahan Luaran	111
3.6.3	Kesahan Kandungan	112
3.7	Prosedur Kajian.....	116
3.8	Kajian Rintis	117
3.8.1	Ujian Pemahaman Bacaan (UPB).....	118
3.8.2	Sikap Murid Terhadap Bacaan (SMB)	119
3.8.3	Pelibatan Ibu Bapa (PIB)	119
3.9	Prosedur Analisis Data.....	120
3.9.1	Analisis Kehilangan Data	121
3.9.2	Analisis Data Terpencil	121
3.9.3	Ujian Normaliti Data	122
3.10	Prosedur Pemberian Markah bagi Pemboleh Ubah Kajian.....	124
3.10.1	Pemahaman Bacaan	124
3.10.2	Teks Ekspositori, Teks Naratif, Soalan Tersurat dan Soalan Tersirat	125
3.10.3	Sikap Murid terhadap Bacaan (SMB).....	126
3.10.4	Pelibatan Ibu Bapa (PIB)	127
3.11	Tatacara Analisis Data Keseluruhan	128
3.12	Kesimpulan	130
BAB 4	DAPATAN KAJIAN.....	131
4.1	Pendahuluan.....	131
4.2	Latar Belakang Responden Kajian.....	131
4.2.1	Latar Belakang Murid dan Keluarga Murid	132
4.2.2	Kemudahan Belajar di Rumah.....	133

4.3	Keputusan Soalan Kajian	134
4.3.1	Tahap Pemahaman Bacaan Teks Bahasa Tamil Murid India	135
4.3.2	Pencapaian Murid Berdasarkan Teks Naratif dengan Teks Ekspositori	139
4.3.3	Pencapaian Murid Berdasarkan Soalan Tersurat dengan Soalan Tersirat	140
4.3.4	Pencapaian Pemahaman Bacaan Berdasarkan Tahap PIB, Tahap SMB dan Interaksi Tahap PIB dan SMB	142
4.3.4(a)	Perbezaan Pencapaian Pemahaman Bacaan Berdasarkan Interaksi Tahap PIB dengan Tahap SMB	144
4.3.4(b)	Pencapaian Pemahaman Bacaan Berdasarkan Tahap PIB	147
4.3.4(c)	Pencapaian Pemahaman Bacaan Berdasarkan Tahap SMB	148
4.4	Rumusan Keputusan Analisis Soalan Kajian dan Hipotesis Kajian	150
4.5	Kesimpulan	151
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN IMPLIKASI PENYELIDIKAN		152
5.1	Pendahuluan	152
5.2	Ringkasan Kajian	152
5.3	Perbincangan, Dapatan dan Kesimpulan	157
5.3.1	Tahap Pemahaman Bacaan Bahasa Tamil, Murid India	157
5.3.2	Pencapaian Pemahaman Bacaan Mengikut Teks Tamil	160
5.3.3	Keupayaan Berfikir Murid India di SMK	163
5.3.4	Pemahaman Bacaan Murid India dan Tahap Pelibatan Ibu bapa (PIB)	166
5.3.5	Pemahaman Bacaan Murid India dan Sikap Murid terhadap Bacaan (SMB)	169
5.3.6	Pemahaman Bacaan dan Interaksi Tahap Pelibatan Ibu Bapa (PIB) dengan Tahap Sikap Murid terhadap Bacaan (SMB)	171
5.4	Implikasi Kajian	172

5.4.1	Implikasi Teoritikal.....	173
5.4.2	Implikasi kepada Perkembangan Ilmu.....	174
5.4.3	Implikasi kepada Amalan	174
5.5	Cadangan Kajian Masa Depan.....	177
5.6	Sumbangan Dapatan Kajian.....	180
5.7	Kesimpulan Kajian.....	182
	RUJUKAN	184
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1.1	Analisis Mata Pelajaran Bahasa Tamil Tingkatan Lima Pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia di Negeri Kedah (Tahun 2014, 2015 dan 2016)	9
Jadual 3.1	Instrumen Kajian yang Digunakan dalam Kajian Ini	101
Jadual 3.2	Taburan soalan tersurat dan tersirat berdasarkan aras taksonomi Bloom (2001)	102
Jadual 3.3	Latar Belakang Responden Kajian	105
Jadual 3.4	Sikap Murid terhadap Bacaan (SMB)	107
Jadual 3.5	Pelibatan Ibu Bapa dalam Pembelajaran Anak.....	109
Jadual 3.6	Pembahagian komponen-komponen mengikut hari menjalankan kajian.	110
Jadual 3.7	Pakar-Pakar yang Menyemak Ujian Pemahaman.	115
Jadual 3.8	Analisis dan Pemilihan Soalan Mengikut Pakar.....	115
Jadual 3.9	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.....	120
Jadual 3.10	Keputusan Data Terpencil dalam Bentuk Univariate (z-score)	122
Jadual 3.11	Keputusan Ujian Skewness dan Kurtosis	123
Jadual 3.12	Skor Tahap Pemahaman Bacaan Bahasa Tamil yang Digunakan dalam Kajian ini.	125
Jadual 3.13	Penentuan Tahap Berdasarkan pada Skor Min bagi Tahap SMB dan Tahap PIB.....	127
Jadual 3.14	Penentuan Tahap Berdasarkan pada Skor Min bagi Tahap SMB.....	127
Jadual 3.15	Penentuan Tahap Berdasarkan pada Skor Min bagi Tahap PIB.....	128
Jadual 3.16	Rumusan analisis berdasarkan soalan kajian, hipotesis kajian, jenis data dan ujian analisis yang digunakan dalam kajian ini.	129
Jadual 4.1	Jantina, Bahasa Perbualan, Pekerjaan, Pendapatan, Pendidikan dan Sumber Buku Murid India yang Dikaji	132

Jadual 4.2	Kemudahan Belajar di Rumah.....	134
Jadual 4.3	Gred Keseluruhan Pemahaman Bacaan dalam Kalangan Murid India di SMK	135
Jadual 4.4	Tahap keseluruhan pemahaman bacaan murid India berdasarkan gred yang diguna pakai di semua SMK di Malaysia.....	137
Jadual 4.5	Ujian-t Menunjukkan Pencapaian Min Pemahaman Bacaan Murid India bagi Teks Naratif dan Teks Ekspositori	139
Jadual 4.6	Ujian-t Menunjukkan Pencapaian Pemahaman Bacaan Murid India bagi Soalan Tersurat dengan Soalan Tersirat	141
Jadual 4.7	Analisis Deskriptif bagi Pemahaman Bacaan Berdasarkan Tahap PIB dan Tahap SMB.....	143
Jadual 4.8	Ujian Levene Menunjukkan Kesamaan Varians dalam PIB dan SMB	143
Jadual 4.9	Keputusan Ujian ANOVA Dua Hala bagi PIB dan SMB dan Interaksi PIB dan SMB terhadap Pemahaman Bacaan (PB)	144
Jadual 4.10	Saiz Kesan Eta Sebahagian oleh Cohen'	145
Jadual 4.11	Keputusan Deskriptif bagi Pemahaman Bacaan Berdasarkan Tahap PIB	147
Jadual 4.12	Keputusan Deskriptif bagi Pemahaman Bacaan Berdasarkan Tahap SMB	149
Jadual 4.13	Rumusan Keputusan Dapatan Kajian	150

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian.....	91
Rajah 3.1	Kaedah Persampelan Gabungan Prosedur Persampelan	98
Rajah 3.2	Prosedur Kajian	117
Rajah 3.3	Keputusan Analisis Kehilangan Data	121
Rajah 3.4	Rumus untuk menentukan skor pemisah antara dua tahap.....	126
Rajah 4.1	Gred Pencapaian Pemahaman Bacaan Teks Bahasa Tamil dalam Kalangan Murid India di SMK.....	137
Rajah 4.2	Tahap Keseluruhan Pemahaman Bacaan dalam Kalangan Murid India di SMK	138
Rajah 4.3	Min Pencapaian Teks Naratif dengan Teks Ekspositori dalam Kalangan Murid India di SMK.....	140
Rajah 4.4	Min Pencapaian Pemahaman Bacaan bagi Soalan Tersurat dan Tersirat Dalam Kalangan Murid India di SMK.....	142
Rajah 4.5	Perbezaan Pencapaian Pemahaman Bacaan Berdasarkan Tahap PIB dengan Tahap SMB	146
Rajah 4.6	Perbezaan Pencapaian Pemahaman Bacaan Berdasarkan Tahap PIB	148
Rajah 4.7	Memaparkan pencapaian pemahaman bacaan murid India berdasarkan tahap SMB rendah dan tinggi.....	149

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analysis of variance
BPK	Bahagian Perkembangan Kurikulum
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPTA	Institut Pendidikan Tinggi Awam
JPU	Jadual Pentaksiran Ujian
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baharu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KR20	Kuder-Richardson 20
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PB	Pemahaman Bacaan
PIB	Pelibatan Ibu Bapa
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PISA	Programme for International Student Assessment
PMR	Penilaian Menengah Rendah
Pol	Pupils' own language
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
SI	Soalan Tersirat
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SMB	Sikap Murid terhadap Bacaan

SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SP	Sisihan Piawai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package for Social Science
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SU	Soalan Tersurat
TE	Teks Ekspositori
TN	Teks Naratif
USM	Universiti Sains Malaysia

**HUBUNGAN ANTARA PELIBATAN IBU BAPA DAN SIKAP MURID
TERHADAP PEMAHAMAN BACAAN BAHASA TAMIL DALAM
KALANGAN MURID INDIA SEKOLAH MENENGAH**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keupayaan bahasa ibunda, khususnya dari segi pemahaman bacaan Bahasa Tamil dalam kalangan murid India Malaysia. Selain itu, kajian ini juga melihat hubungan antara keupayaan Bahasa Tamil dengan dua faktor iaitu faktor sosiologi daripada aspek pelibatan ibu bapa di rumah dan faktor psikologi daripada aspek sikap murid terhadap bacaan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kausal komparatif jenis retrospektif, melibatkan 455 orang murid yang terdiri daripada murid India tingkatan empat di SMK di daerah Kuala Muda/Yan, Kedah. Pemahaman bacaan murid diuji dengan menggunakan satu set Ujian Pemahaman Bacaan yang mengandungi 36 soalan aneka pilihan yang terdiri daripada 18 soalan untuk ujian pemahaman bacaan teks naratif dan 18 soalan untuk ujian pemahaman bacaan teks ekspositori. Bagi kedua-dua teks naratif dan teks ekspositori, 9 soalan terdiri daripada soalan tersurat dan 9 soalan lagi terdiri daripada soalan tersirat. Pelibatan ibu bapa diukur melalui 8 item yang diubah suai daripada instrumen oleh PISA (2015), manakala sikap murid terhadap bacaan diukur dengan menggunakan 20 item yang diubah suai daripada instrumen McKenna dan Kear (1990). Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif (frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai) dan inferensi (Ujian-t dan analisis ANOVA dua hala). Dapatan kajian menunjukkan bahawa keupayaan Bahasa Tamil, iaitu pemahaman bacaan murid India berada pada tahap sederhana (Gred C). Walaupun keupayaan murid dalam pemahaman bacaan soalan tersurat (yang lebih mudah) adalah lebih baik daripada pemahaman bacaan soalan

tersirat, skor pemahaman bacaan teks naratif murid adalah sama dengan skor pemahaman bacaan teks ekspositori (yang lebih sukar). Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara keupayaan pemahaman bacaan Bahasa Tamil dengan pelibatan ibu bapa dalam kalangan murid India, manakala tiada hubungan signifikan antara keupayaan pemahaman bacaan Bahasa Tamil dengan sikap murid terhadap bacaan. Hubungan antara keupayaan Bahasa Tamil dengan pelibatan ibu bapa tidak bergantung kepada sikap murid terhadap bacaan iaitu tidak ada kesan interaksi antara pelibatan ibu bapa dengan sikap murid terhadap bacaan. Secara umum, kajian ini menunjukkan bahawa keupayaan pemahaman bacaan Bahasa Tamil dalam kalangan murid India boleh ditingkatkan lagi, khususnya dalam kalangan mereka yang ibu bapa yang kurang terlibat terhadap pendidikan anak-anak. Ibu bapa perlu menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyokong bacaan dalam Bahasa Tamil di rumah seperti menyediakan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Tamil, di samping menjadi suri teladan (*role model*) dengan menggunakan Bahasa Tamil di rumah. Kajian ini mengharapkan agar pelibatan ibu bapa di rumah berupaya untuk melestarikan malah mempertingkatkan penggunaan Bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda dalam kalangan murid dan masyarakat India di Malaysia.

**THE RELATIONSHIP BETWEEN PARENTAL INVOLVEMENT AND
STUDENTS' ATTITUDES TOWARDS UNDERSTANDING TAMIL
READING AMONG SECONDARY SCHOOL INDIAN STUDENTS**

ABSTRACT

This study aimed to identify the level of native language ability, particularly in terms of reading comprehension in Tamil language among Malaysian Indian students. In addition, this study also examined the relationship between the students' Tamil language ability and two factors. First is a sociological factor focusing on parental involvement the second one is a psychological factor of students' attitude toward reading. The study used a causal comparative and retrospective study design involving 455 students of Form Four Indian students in national type secondary schools in the Kuala Muda/Yan district of Kedah. Student reading comprehension was tested using a set of Reading Comprehension Test containing 36 multiple choice questions consisting of 18 questions testing on narrative text comprehension and 18 questions examining students' comprehension of expository text. For both narrative and expository texts, 9 questions tested on students' lateral comprehension and 9 questions tested on literal comprehension. Parental involvement was measured by 8 items modified from the instrument by PISA (2015), while student attitude toward reading was measured using 20 items modified from the McKenna & Kear (1990) instrument. The collected data were analyzed descriptively (frequency, percentage, mean and standard deviation) and for inference analysis (t-test and two-way ANOVA). The findings of the study show that the ability of the Tamil language, which is the reading comprehension of the Indian students, is at the moderate level. Although students' ability to understand literal content (which is simpler) is better than comprehension of lateral content, students'

comprehension of narrative text is similar to comprehension of expository (more difficult) texts. The results of this study also indicate that there is a relationship between Tamil language ability and parental involvement among Indian students. While there is no significant relationship between Tamil language ability and students' attitude toward reading. The relationship between language ability and parental involvement does not depend on students' attitudes toward reading, which there was no interaction effect of parental involvement and attitudes toward reading on reading comprehension. In general, this study shows that the ability of the Tamil language among Indian students can still be improved, especially among those whose parents are less involved in children's education. Parents need to provide learning environment that supports reading Tamil at home, such as providing students with Tamil reading materials, as well as being themselves an model of using Tamil language at home. This study hope that with emphasis on home environment and parental involvement, Tamil as a mother tounge language among students and the Indian community in Malaysia will continue to be maintained.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam bidang kajian bahasa, fenomena pengekalan (*language maintenance*) dan peralihan bahasa (*language shift*) bagi kaum minoriti sesebuah negara adalah suatu isu global. Peralihan bahasa memberi impak yang signifikan terhadap bahasa ibunda golongan minoriti di sesebuah negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Bahasa Tamil merupakan bahasa ibunda bagi sebahagian besar daripada kaum India Malaysia. Kajian ini adalah berkaitan Bahasa Tamil dalam konteks kebimbangan terhadap kemungkinan berlakunya peralihan Bahasa Tamil kepada bahasa lain seperti yang berlaku di negara lain.

Kedudukan Bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda masyarakat India Malaysia terjamin dalam undang-undang negara. Dasar pendidikan Malaysia melalui Laporan Razak (1956) dan Artikel 152 (Akta Pelajaran 1956) yang membenarkan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar pendidikan sekolah rendah merupakan dasar yang selaras dengan tujuan pengekalan bahasa ibunda oleh semua kaum. Pendidikan sekolah rendah di Malaysia, menggunakan kurikulum yang sama, ditawarkan melalui tiga aliran sekolah rendah, yakni Sekolah Kebangsaan, SJKC dan SJKT yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Di samping itu, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris ialah mata pelajaran wajib di semua aliran sekolah rendah.

Hampir semua murid keturunan India belajar di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar dan Bahasa Inggeris sebagai satu mata pelajaran wajib. Mata pelajaran Bahasa Tamil ialah mata

pelajaran elektif/pilihan kepada semua murid India dan ia tidak diwajibkan kepada semua murid India. Walau bagaimanapun, hampir semua murid India di negara ini mengambil Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran pilihan dalam peperiksaan Penilaian Tahap 3 (PT3) dan peperiksaan SPM.

Seperti kurikulum Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil di sekolah memberi kepentingan terhadap empat komponen utama, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan kemahiran menulis. Pemahaman bacaan pelbagai teks Bahasa Tamil merupakan satu keupayaan bahasa yang penting dalam kehidupan murid. Namun, maklumat menunjukkan keupayaan berbahasa Tamil dalam kalangan murid India negara ini adalah tidak menggalakan, khususnya dari segi pemahaman bacaan.

Lantaran itu, kajian ini mengenal pasti tahap pemahaman bacaan teks Bahasa Tamil dalam kalangan murid India di SMK, mengenal pasti perbezaan pencapaian pemahaman bacaan murid bagi teks ekspositori dengan teks naratif serta pencapaian pemahaman bacaan murid bagi soalan tersurat dengan soalan tersirat. Kajian ini juga mengenal pasti hubungan antara pelibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak dengan pencapaian pemahaman bacaan murid, hubungan sikap murid terhadap bacaan dengan pencapaian pemahaman bacaan murid dan hubungan interaksi pelibatan ibu bapa serta sikap murid terhadap bacaan dengan pencapaian pemahaman bacaan murid. Pelibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak dan sikap murid terhadap bacaan merupakan pemboleh ubah penting yang berkait rapat dengan pembelajaran bahasa ibunda oleh murid India di sekolah menengah Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Tamil merupakan identiti penting bagi masyarakat Tamil serata dunia, termasuk di Malaysia. Dari segi sejarah, Bahasa Tamil adalah bahasa klasik dalam keluarga bahasa Dravidian yang telah berkembang dan menjadi satu bahasa utama khususnya di negara India dan kekal sehingga kini. Tarikh sebenar kewujudan tulisan Bahasa Tamil ialah rumit untuk dikenal pasti kerana karya-karya yang dijumpai ditulis dalam daun palma yang cepat rosak. Namun begitu karya-karya awal dalam penulisan Bahasa Tamil dijumpai, pada kurun ketiga sebelum Masihi (Nayak, 2003). Menurut Nayak (2003), tulisan Tamil yang asal berbentuk tulisan Brahmi dan Bahasa Tamil terdiri daripada bahasa formal dan tidak formal. Bahasa Tamil yang tidak formal termasuk dialek perbualan tempatan dinamakan sebagai *koduntamil*, manakala bahasa Tamil formal dinamakan sebagai *centamil* yang merupakan bahasa standard bagi masyarakat Tamil di seluruh dunia. Bahasa Tamil tidak formal pula ialah bahasa perbualan harian yang digunakan oleh masyarakat Tamil yang mengikut dialek tempat masing-masing (Nayak, 2003).

Bahasa Tamil ialah bahasa yang digunakan secara meluas di banyak negara yang diduduki oleh masyarakat yang berasal dari India khususnya dari Tamil Nadu, India. Masyarakat berbahasa Tamil terdapat di Sri Langka, Malaysia, Singapura, Afrika Selatan, Mauritius. Terdapat banyak negara yang diduduki oleh masyarakat imigran berketurunan Tamil yang berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Tamil dalam perbualan seharian mereka. Di Malaysia, masyarakat India terdiri daripada perbagai keturunan dan bahasa, termasuk Tamil, Telugu, Malayalam, Punjabi, Hindi, Gujarati, Odisha dan sebagainya yang masing-masing mempunyai bahasa ibunda sendiri. Sebenarnya, Bahasa Tamil bukanlah bahasa ibunda untuk semua kaum India, tetapi menjadi bahasa ibunda bagi masyarakat berketurunan Tamil sahaja. Walau

bagaimanapun, sebahagian besar kaum India di Malaysia terdiri daripada masyarakat berketurunan Tamil dan bahasa ibunda mereka ialah Bahasa Tamil. Dalam konteks di Malaysia, sebutan 'orang India', merujuk kepada semua keturunan orang India dan bahasa utama mereka ialah Bahasa Tamil, seperti dalam konteks kajian ini.

Perkembangan Bahasa Tamil di Tanah Melayu dikaitkan dengan kedatangan kerajaan Chola ke negeri Kedah pada kurun ke-11. Pada masa itu Bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa perdagangan dan tertumpu di kawasan istana dan pelabuhan-pelabuhan (KPM, 2016). Pengaruh negara India yang kuat dalam bidang perdagangan dan pentadbiran di Melaka telah mendorong kedatangan saudagar Tamil ke Melaka pada kurun ke-15 dan ke-16 di Tanah Melayu. Selepas Sir Francis Light membuka Pulau Pinang pada tahun 1786, kaum India termasuk orang Tamil berpeluang untuk membuat tuntutan tanah sebagai hak milik di negara ini. Lama-kelamaan semakin ramai kaum imigran India telah datang dan menetap di negeri Pulau Pinang. Keadaan ini juga telah menyebabkan bermulanya pendidikan Tamil secara rasmi di negeri Pulau Pinang menerusi sekolah Anglo - Tamil. Pada 21 Oktober 1816, pendidikan Tamil telah dimulakan secara rasminya di Malaysia (KPM, 2016).

Selepas kemerdekaan Malaysia pada 1957, telah ada polisi berkaitan bahasa ibunda dan ia dinyatakan dalam Laporan Razak (1956). Dalam laporan itu dinyatakan bahawa Bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa penghantar di SJKT dan sebagai subjek pilihan bagi murid India di SMK. Hal ini bermakna pengajaran Bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda bagi murid-murid India tidak pernah diabaikan dalam sistem pendidikan Malaysia. Artikel 152 dalam perlembagaan persekutuan menyatakan bahawa,

“The national language shall be the Malay Language provided that (a) no person shall be prohibited from using otherwise or learning any other language and (b) nothing, in this clause shall prejudice the right of the Federal Government or any State Government to preserved and sustain the use and the study of language of any other community in the federation”.

-(Perlembagaan Persekutuan, Artikel 152)

Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diimplimentasi mulai tahun 1989, Bahasa Tamil dikategorikan sebagai mata pelajaran elektif iaitu mata pelajaran pilihan, khususnya kepada murid India yang ingin memilih Bahasa Tamil pada peringkat sekolah menengah rendah (PMR/PT3) dan sekolah menengah atas (SPM). Kurikulum Bahasa Tamil pada peringkat KBSM ialah lanjutan daripada KBSR pada peringkat sekolah rendah (SJKT) yang dilaksanakan sejak tahun 1983. Kurikulum yang sama terus diguna pakai dalam KSSR mulai tahun 2011 dan diikuti secara berperingkat ke sekolah menengah (KSSM).

Tujuan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil adalah bagi meningkatkan kemahiran berbahasa yang baik supaya murid-murid dapat menggunakan Bahasa Tamil dengan tepat dan berkesan (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979). Pusat Perkembangan Kurikulum, (2001) menyatakan bahawa pembelajaran Bahasa Tamil adalah bagi memperkemas penguasaan Bahasa Tamil oleh murid India supaya boleh berkomunikasi dalam Bahasa Tamil dengan berkesan. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah bermula di tingkatan peralihan dan berterusan sehingga tingkatan lima. Pada tahun 2017, pengajaran Bahasa Tamil dalam KSSM dimulakan daripada tingkatan satu dan seterusnya ke peringkat tingkatan lima pada tahun 2021.

Berdasarkan Laporan Prestasi SPM (LPM, 2013; LPM, 2014) yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, pencapaian murid India dalam aspek

menjawab soalan pemahaman bacaan pelbagai jenis teks terutamanya bagi soalan tersirat atau inferens adalah rendah. Laporan tersebut turut meminta guru-guru Bahasa Tamil di SMK supaya menggunakan pelbagai jenis teks bacaan semasa mengajar pemahaman bacaan Bahasa Tamil. Kekurangan pendedahan serta kekurangan latihan pemahaman bacaan berkaitan pelbagai jenis teks Bahasa Tamil turut menjadi alasan yang menyebabkan murid tidak mencapai keputusan cemerlang bagi Bahasa Tamil dalam peperiksaan SPM (LPM, 2013). Laporan tersebut juga menyatakan bahawa calon SPM kurang arif dalam aspek menjawab soalan-soalan tersirat dalam pemahaman bacaan (LPM, 2013; LPM, 2014).

Keupayaan berfikir murid dalam aspek menjawab soalan-soalan tersirat amat penting bagi mencapai keputusan yang baik dalam pemahaman bacaan Bahasa Tamil. Sejalan dengan itu, perkara ini juga telah dimasukkan dalam laporan analisis prestasi peperiksaan SPM, bagi Bahasa Tamil (LPM, 2013; LPM, 2014). Sehubungan dengan itu, pemahaman bacaan pelbagai jenis teks dalam Bahasa Tamil juga perlu memberi kepentingan kepada soalan-soalan berbentuk tersirat semasa pengajaran dan pentaksiran pemahaman bacaan. Perkara ini adalah sejajar dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu berusaha ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (FPK, 1976).

Tambahan pula, sistem pendidikan Malaysia memberikan peluang dan sokongan yang secukupnya untuk mempelajari Bahasa Tamil di SJKT dan di SMK tetapi penguasaan Bahasa Tamil dalam kalangan murid India dalam peperiksaan SPM ialah sangat tidak memuaskan. Ibu bapa sememangnya memerlukan anak-anak mereka menguasai dan menghargai Bahasa Tamil serta budaya Tamil dengan baik seperti mereka (Schiffman, 2003). Namun begitu, yang sebenarnya diperlukan oleh golongan

remaja kini ialah keputusan peperiksaan yang cemerlang yang membolehkan mereka masuk ke institusi pengajian tinggi. Hal ini bermakna murid kini kurang menghargai penguasaan Bahasa Tamil dan budaya Tamil berbanding dengan ibu bapa mereka (Schiffman, 2003). Oleh itu, perkara ini harus diteliti dan dikaji.

1.3 Pernyataan Masalah

Penggunaan Bahasa Tamil dalam kalangan masyarakat India sedang mengalami penurunan (Paramasivam Muthusamy, 2018). Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa tempatan dan sebagai bahasa pengajaran di SMK, murid perlu belajar Bahasa Melayu untuk lulus peperiksaan dan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang seterusnya, (Farashaiyan & Paramasivam Muthusamy, 2016). Begitu juga dengan Bahasa Inggeris, bahasa antrabangsa dan salah satu mata pelajaran yang wajib dalam sistem persekolahan di Malaysia. Jadi masyarakat India di Malaysia secara beransur-ansur beralih ke bahasa Inggeris dan bahasa Melayu untuk mencapai keperluan akademik dan kemajuan ekonomi. Dasar bahasa di Malaysia, telah mewajibkan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam pendidikan. Tambahan pula, generasi kini lebih suka pendidikan berorientasikan pekerjaan. Jadi mereka lebih mementingkan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris kerana penggunaan bahasa Tamil adalah terhad dalam pekerjaan mereka (Paramasivam Muthusamy, 2018). Situasi ini mengakibatkan pelajar India tidak mementingkan mata pelajaran bahasa Tamil untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan prestasi mata pelajaran bahasa Tamil adalah rendah.

Masyarakat India di Malaysia ialah kumpulan minoriti dan mereka kurang menunjukkan minat dalam Bahasa Tamil. Mereka lebih berminat untuk mempelajari serta berkomunikasi dalam bahasa – bahasa lain (Gill, 2013). Hal ini seiring dengan

dapatan Pauwels (2016) yang memberitahu bahawa bahasa yang lebih dominan dalam penggunaan harian akan menggantikan bahasa yang semakin merosot dalam penggunaannya. Perkara ini biasa berlaku di negara-negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan pelbagai bahasa seperti Malaysia dan Singapura.

Rajeni Rajan (2018), menyatakan bahawa penggunaan dan pembelajaran Bahasa Tamil semakin merosot di negara-negara lain selain daripada Tamil Nadu, India. Kajian Alagappan, Dealwis, & David (2016) dan David dan Naji (2000), jelas menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Tamil dalam kalangan golongan muda, masyarakat India telah merosot dan sedang mengalami peralihan bahasa di Malaysia. Kadakara (2011; 2015), turut menyatakan bahawa kemungkinan penggunaan Bahasa Tamil akan hilang sepenuhnya di Singapura, sekiranya ia tidak dilindungi oleh masyarakat India. Bissoonah (2011), merumuskan bahawa peralihan Bahasa Tamil lebih ketara dalam kalangan golongan yang berstatus sosioekonomi tinggi. Golongan yang berstatus sosioekonomi tinggi hampir tidak menggunakan Bahasa Tamil dalam komunikasi seharian. Mereka memberi kepentingan kepada bahasa-bahasa yang mendatangkan nilai komersial seperti Bahasa Inggeris dan bahasa Perancis di Mauritius.

Kemerosotan penggunaan bahasa Tamil bukan sahaja berlaku dalam kalangan murid-murid sahaja, malah kajian Kartheges Ponniah, Kingston Pal Thamburaj dan Sannikannu Jabamoney Isak Samuvel (2017), menunjukkan bahawa guru Bahasa Tamil turut mengalami peralihan bahasa iaitu menyesuaikan diri dengan Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Pada keseluruhannya penggunaan dan pembelajaran Bahasa Tamil telah berkurangan dalam kalangan masyarakat India, terutamanya di negara-negara yang

terdiri daripada pelbagai kaum seperti Malaysia. Pengkaji juga telah meneliti analisis keputusan peperiksaan SPM bagi mata pelajaran Bahasa Tamil bagi tahun 2014 – 2016 (3 tahun) di negeri Kedah, seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Analisis Mata Pelajaran Bahasa Tamil Tingkatan Lima Pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia di Negeri Kedah (Tahun 2014, 2015 dan 2016)

Tahun	Jumlah murid	Gred Dalam Peperiksaan					
		A	B	C	D	E	G
2016	1053	230	322	250	85	69	97
	(100%)	(21.84)	(30.58)	(23.74)	(8.07)	(6.55)	(9.21)
2015	1103	270	374	235	63	52	109
	(100%)	(24.48)	(33.91)	(21.31)	(5.71)	(4.71)	(9.88)
2014	1164	249	197	303	72	89	254
	(100%)	(21.56)	(16.27)	(26.23)	(6.23)	(7.71)	(21.99)

Sumber: JPN, Kedah

Berdasarkan Jadual 1.1, jumlah murid yang mendapat gred C, D, dan E pada tahun 2014 ialah 40.17% berbanding 37.83% murid yang mendapat gred A dan B dan 21.99% murid yang gagal. Pada tahun 2015, murid yang mendapat gred C, D dan E ialah 31.73% berbanding 58.39% murid yang mendapat gred A dan B dan 9.88% murid yang gagal. Pada tahun 2016, murid yang mendapat gred C, D dan E ialah 38.36% berbanding 52.42% murid yang mendapat gred A dan B ialah 52.42% dan 9.21% murid yang gagal. Satu perkara yang sangat jelas ialah jumlah murid India yang mendapat keputusan sederhana, rendah dan gagal merangkumi 40% hingga 60% daripada jumlah murid yang mengambil Bahasa Tamil dalam peperiksaan SPM setiap tahun di negeri Kedah. Hal ini merupakan satu jumlah yang besar. Situasi ini sangat menyedihkan dan merisaukan. Murid-murid India yang memilih mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat peperiksaan SPM, telah mempelajari Bahasa Tamil selama enam tahun di

SJKT dan lima tahun di SMK. Pencapaian sebegini menunjukkan bahawa setelah sebelas tahun mempelajari Bahasa Tamil, 40% hingga 60% murid India masih tidak berupaya untuk memperoleh gred A dan B dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat peperiksaan SPM. Tambahan pula, Bahasa Tamil ialah bahasa ibunda bagi murid-murid India. Keadaan ini telah menyebabkan pengkaji meneliti format kertas peperiksaan Bahasa Tamil pada peringkat SPM. Pengkaji mendapati bahawa, pemahaman bacaan pelbagai jenis teks merupakan komponen yang penting dan membawa wajaran yang terbesar dalam Kertas 2 Bahasa Tamil. Pengkaji juga meneliti laporan analisis jawapan calon peperiksaan SPM bagi Kertas 2 Bahasa Tamil tahun 2013 dan tahun 2014 yang dikeluarkan oleh LPM.

Kupasan jawapan bagi soalan pemahaman bacaan Bahasa Tamil peperiksaan SPM tahun 2013 dan 2014 menunjukkan bahawa kebanyakan calon SPM hanya menjawab maksud tersurat soalan pemahaman bacaan. Calon India gagal memahami maksud tersirat soalan pemahaman bacaan (LPM, 2013). Seterusnya, LPM (2014) turut menyatakan bahawa majoriti calon gagal memahami maksud tersirat puisi moden. Mereka hanya memberikan maksud tersurat sahaja. Laporan analisis juga menyatakan bahawa calon India memerlukan pemahaman yang mendalam dan menyeluruh bagi menjawab soalan pemahaman bacaan dan hanya calon cemerlang dapat menjawab soalan-soalan tersirat. Hal ini demikian kerana mereka dapat mengenal dan memahami isi tersirat dalam petikan pemahaman bacaan tersebut (LPM, 2013). Secara keseluruhannya, murid-murid India menghadapi masalah dalam menjawab soalan-soalan tersirat bagi semua jenis teks pemahaman bacaan yang diuji dalam Kertas 2, Bahasa Tamil dalam peperiksaan SPM.

Seterusnya, laporan LPM (2014) menunjukkan bahawa terdapat tiga kumpulan pencapaian calon iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Kumpulan yang berpencapaian sederhana hanya berjaya menguasai asas Bahasa Tamil. Hal ini menyebabkan idea calon kurang bernas dan kurang relevan. Pencapaian ini menggambarkan tahap pembacaan calon masih pada tahap yang rendah. Kumpulan murid rendah pula mempamerkan masalah tidak memahami kehendak soalan pemahaman bacaan yang menyebabkan penguasaan kemahiran Bahasa Tamil amat rendah serta keupayaan calon untuk memahami dan mentafsir petikan pemahaman bacaan kurang memuaskan (LPM, 2014).

Keseluruhannya laporan LPM (2013, 2014), merumuskan bahawa murid India kurang membaca dan kurang membuat latihan dalam pemahaman bacaan. Hal ini menunjukkan bahawa murid India di SMK memiliki penguasaan Bahasa Tamil yang rendah serta mereka tidak membaca bahan-bahan dalam Bahasa Tamil. Oleh itu, perkara ini perlu diteliti dan dikaji secara mendalam.

Selain analisis keputusan Bahasa Tamil dalam peperiksaan SPM dan kupasan jawapan calon oleh LPM (2013, 2014) bagi Bahasa Tamil, sorotan kajian sebelum ini, iaitu Kim dan Paris (2011), Chew (2006), Lee Hui (2011), Edward (2008), Ambigapathy (2013) dan Bahagian Teknologi Pendidikan (2007) secara bersama menyatakan bahawa murid-murid tidak bersikap positif terhadap bacaan serta mereka memerlukan sokongan dan pelibatan ibu bapa (PIB) untuk memupuk sikap membaca sejak anak-anak masih kecil lagi.

Di samping itu, terdapat juga jurang dalam kajian-kajian lepas tentang pemahaman bacaan Bahasa Tamil dalam kalangan murid India di SMK. Manimaran (2009), menyatakan bahawa kajian-kajian tentang sikap membaca dalam kalangan

murid India di SJKT memang sangat kurang di Malaysia. Dapatan Manimaran (2009), seiring dengan dapatan Santhiram (1999). Kajian-kajian yang sedia ada berkaitan dengan masyarakat India adalah berkaitan dengan masalah pekerja ladang serta masalah penguasaan Bahasa Tamil di SJKT. Santhiram (1999), menjelaskan bahawa kajian tentang pengaruh latar belakang sosioekonomi ibu bapa murid India terhadap pendidikan amat kurang. Pendapat ini sejajar dengan kajian Dhanapal (2006), yang menyatakan bahawa hal-hal pendidikan berkaitan dengan masyarakat India di Malaysia tidak banyak direkodkan.

Kajian-kajian berkenaan Bahasa Tamil dan pembelajaran Bahasa Tamil di Malaysia adalah terlalu kurang. Radha Krishnan (1995), telah membuat suatu kajian yang berfokus kepuasan dan peranan guru SJKT dalam aspek menentukan pencapaian akademik murid SJKT. Selain itu, Santhiram (1999) telah mengkaji masalah kumpulan minoriti di SJKT, Annamalai (2003) pula menjalankan kajian tentang masalah tingkah laku murid India di SMK. Manakala kajian Manimaran (2009) adalah berkaitan dengan hubungan faktor keluarga terhadap sikap dan minat membaca dalam kalangan murid India SJKT.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini tidak berfokus khusus terhadap pemahaman bacaan pelbagai jenis teks Bahasa Tamil di SMK. Selanjutnya, kajian-kajian sebelum ini juga tidak berfokuskan terhadap pelibatan ibu bapa murid India dan sikap murid India terhadap bacaan. Memandangkan penguasaan dan kemahiran membaca dianggap penting dalam pemahaman bacaan pelbagai jenis teks Bahasa Tamil, murid perlu dinilai kemampuannya dalam aspek membaca. Seiring dengan itu, pengkaji telah membuat kajian berkaitan dengan tahap pemahaman bacaan murid India dalam aspek memahami teks Bahasa Tamil jenis naratif dan ekspositori dan keupayaan berfikir murid India untuk menjawab soalan pemahaman bacaan tersurat dan soalan

pemahaman bacaan tersirat dalam setiap jenis petikan yang dibaca. Pengkaji juga telah mengenal pasti hubungan pencapaian pemahaman bacaan murid India berdasarkan pada tahap PIB dan tahap SMB.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah kajian, enam objektif kajian telah dibentuk;

1. Mengenal pasti tahap pemahaman bacaan teks Bahasa Tamil dalam kalangan murid India di SMK.
2. Mengenal pasti perbezaan pencapaian pemahaman bacaan murid India bagi teks ekspositori berbanding dengan teks naratif.
3. Mengenal pasti perbezaan pencapaian pemahaman bacaan murid India bagi soalan tersurat berbanding dengan soalan tersirat.
4. Mengenal pasti sama ada pemahaman bacaan murid India mempunyai hubungan dengan pelibatan ibu bapa dalam pendidikan di rumah.
5. Mengenal pasti sama ada pemahaman bacaan murid India mempunyai hubungan dengan sikap murid terhadap bacaan.
6. Mengenal pasti sama ada pemahaman bacaan murid India mempunyai hubungan dengan kedua-dua faktor iaitu pelibatan ibu bapa dan sikap murid terhadap bacaan.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, pengkaji telah mengemukakan 6 soalan kajian untuk dijawab:

- 1.5.1 Apakah pencapaian murid India di SMK bagi pemahaman bacaan teks Bahasa Tamil?
- 1.5.2 Adakah terdapat perbezaan pencapaian murid India antara pemahaman bacaan teks naratif dengan teks ekspositori?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan pencapaian murid India antara pemahaman bacaan soalan tersurat dengan soalan tersirat?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan signifikan pencapaian pemahaman bacaan murid India berdasarkan tahap pelibatan ibu bapa yang berbeza?
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan signifikan pencapaian pemahaman bacaan murid India berdasarkan tahap sikap murid terhadap bacaan yang berbeza?
- 1.5.6 Adakah terdapat kesan interaksi yang signifikan antara pelibatan ibu bapa dalam pendidikan di rumah dengan sikap murid terhadap bacaan dengan skor min pencapaian pemahaman bacaan murid India?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian merupakan pernyataan-pernyataan dalam kajian yang berbentuk kuantitatif. Pengkaji membuat andaian sama ada pemboleh ubah bebas memberikan kesan yang signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar (Creswell, 2014). Berdasarkan permasalahan dan soalan kajian yang dikemukakan, maka dirumuskan hipotesis alternatif untuk mencapai objektif. Hipotesis alternatif statistik

menyatakan bahawa terdapat kaitan antara variabel yang diselidik, sehingga diuji secara statistik (Noraini, 2010). Hipotesis alternatif dalam kajian diuji pada aras keyakinan 0.05.

Ha1.6.1: Terdapat perbezaan pencapaian murid India yang signifikan antara pemahaman bacaan teks naratif dengan teks ekspositori.

Ha1.6.2: Terdapat perbezaan pencapaian murid India yang signifikan antara pemahaman bacaan soalan tersurat dengan soalan tersirat.

Ha1.6.3: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian pemahaman bacaan murid India berdasarkan tahap pelibatan ibu bapa yang berbeza.

Ha1.6.4: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian pemahaman bacaan murid India berdasarkan sikap murid terhadap bacaan yang berbeza.

Ha1.6.5: Terdapat kesan interaksi yang signifikan antara pelibatan ibu bapa dalam pendidikan di rumah dengan sikap murid terhadap bacaan dengan skor min pencapaian pemahaman bacaan murid India.

1.7 Kepentingan Kajian

Secara umum kajian ini memberi maklumat tentang tahap keupayaan Bahasa Tamil dalam kalangan generasi muda masyarakat India di Malaysia, dan perkaitannya dengan masyarakat India di Malaysia. Secara khusus kajian ini memberi maklumat kepada golongan pelaksana, khususnya berkaitan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia.

1.7.1 Kepentingan kepada masyarakat India

Sumbangan umum kajian adalah kepada masyarakat India tentang status Bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda, yang melibatkan isu pengekalan dan peralihan Bahasa Tamil dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Kajian ini diharap dapat menyedarkan ibu bapa dan murid-murid India tentang pelibatan mereka dalam pengekalan Bahasa Tamil dalam kalangan generasi muda. Kajian ini juga memaklumkan masalah penguasaan Bahasa Tamil dalam kalangan murid India, sama ada ia hanya melibatkan kemahiran bahasa peringkat rendah atau peringkat tinggi sahaja yang masih terkawal. Kajian ini juga melihat sejauh mana ibu bapa perlu memainkan peranan untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif di rumah dalam usaha menggalakkan penggunaan dan pembelajaran Bahasa Tamil.

1.7.2 Kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysi selaku agensi kerajaan.

Kajian ini juga dapat menjadi sumber rujukan kepada KPM untuk menentukan dasar berkaitan status Bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda masyarakat India di Malaysia. Dasar berkaitan ialah sama ada Bahasa Tamil harus dipelajari oleh semua murid India atau mewajibkan semua murid India mempelajari Bahasa Tamil dan tidak hanya sebagai mata pelajaran pilihan. KPM juga boleh menggunakan maklumat kajian ini untuk memutuskan sama ada kurikulum Bahasa Tamil sedia ada sudah mencukupi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil atau perlu ditambahkan lagi dari segi penawaran masa dan kekerapan pelaksanaannya dalam bilik darjah di sekolah menengah kebangsaan. Terdapat kemungkinan wujud kekurangan sumber dan bahan-bahan pengajaran, khususnya bahan-bahan berciri tempatan di sekolah menengah kebangsaan. KPM menerusi Lembaga Peperiksaan dapat menggunakan maklumat kajian ini untuk menilai sejauh mana kecekapan murid India menguasai kemahiran

Bahasa Tamil. Selain itu, Lembaga Peperiksaan, KPM juga dapat membuat penilaian tentang kelemahan murid-murid India dari segi aras berfikir dan jenis isi kandungan teks yang diuji.

1.7.3 Kepentingan dari segi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil

Hasil keputusan kajian ini dapat memberikan maklumat kepada sekolah dan guru Bahasa Tamil tentang status pencapaian murid India dalam Bahasa Tamil. Hal ini turut menggambarkan status pengajaran dan pembelajaran bahasa berkenaan di sekolah, termasuk guru-guru yang mengajar. Sekolah akan dapat mengesan masalah pengajaran Bahasa Tamil dari segi kelayakan ikhtisas dan jurusan guru serta mengetahui tahap pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi Bahasa Tamil. Sekolah juga dapat menilai kedudukan pengajaran Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran elektif, sama ada ia dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan diikuti oleh murid India dengan bersungguh-sungguh. Dapatan kajian ini akan memberi maklumat pencapaian murid merangkumi aspek kekuatan dan kekurangan murid dan tindakan boleh diambil dari segi bahan dan sumber pengajaran Bahasa Tamil di sekolah.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di semua sekolah menengah kebangsaan di daerah Kuala Muda / Yan, Kedah yang menawarkan Bahasa Tamil sebagai salah satu mata pelajaran pilihan kepada pelajar tingkatan empat. Hal ini demikian kerana tidak semua sekolah menengah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Tamil untuk dipelajari oleh murid. Berdasarkan cadangan Creswell (2014), kajian ini dikecilkan supaya lebih berfokus dan dapat diuruskan dengan mudah. Maka dapatan kajian ini mempunyai limitasi dalam aspek yang berikut:

1.8.1 Sampel Kajian

Sampel kajian ini dipilih berdasarkan teknik pensampelan berfokus dan pensampelan berkelompok. Sebanyak 21 buah sekolah menengah kebangsaan yang menawarkan Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran pilihan yang diajar oleh guru sepenuh masa di daerah Kuala Muda / Yan, Kedah telah dipilih sebagai sampel kajian. Oleh itu, sampel kajian ini hanya boleh diitlatkan kepada SMK dan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel tersebut dan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua SMK di Malaysia.

1.8.2 Kerjasama Guru

Pengkaji mengharapkan kerjasama seorang guru dari setiap SMK untuk menjalankan kajian. Hal ini demikian kerana ujian pemahaman bacaan dan soal selidik diberikan mengikut jadual waktu sekolah untuk mata pelajaran Bahasa Tamil. Pengkaji berada bersama-sama dengan guru Bahasa Tamil sekolah berkenaan untuk memastikan guru-guru menjalankan ujian pemahaman bacaan mengikut peraturan ujian. Pengkaji memberi taklimat ringkas kepada guru Bahasa Tamil sebelum ujian tersebut dijalankan.

1.8.3 Tempoh Masa Ujian Dijalankan

Ujian pemahaman bacaan telah dijalankan selama dua minggu iaitu satu hari pada setiap minggu. Latar belakang murid-murid India (Bahagian A) dan ujian pemahaman bacaan teks ekspositori (Bahagian B) telah diberikan pada minggu pertama. Ujian pemahaman bacaan teks naratif (Bahagian C) dan sikap murid terhadap bacaan (Bahagian D) serta pelibatan ibu bapa (Bahagian E) diberikan pada minggu kedua. Set instrumen kajian dibahagikan kepada dua bahagian dan diberikan dalam masa dua hari dan yang berbeza untuk memberi ruang kepada murid berfikir dengan

tenang semasa menjawab soalan pemahaman bacaan dan soal selidik. Tindakan ini juga akan mengelakkan faktor keletihan dalam kalangan murid serta gangguan di sekolah semasa menjawab soalan pemahaman bacaan dan soal selidik.

1.8.4 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, kaedah kausal komparatif dan retrospektif. Pengkaji menggunakan ujian pemahaman bacaan dan soalan aneka pilihan untuk menguji tahap pemahaman bacaan murid-murid India. Soal selidik digunakan untuk mengenal pasti sikap murid India terhadap bacaan dan persekitaran pembelajaran di rumah murid yang berfokuskan pelibatan ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak mereka. Kajian ini dibataskan kepada murid-murid yang memilih Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran pilihan di SMK di daerah Kuala Muda / Yan di negeri Kedah. Selain itu, pengkaji juga membataskan kajian ini kepada pemahaman bacaan petikan jenis naratif dan ekspositori. Walaupun dalam pembelajaran Bahasa Tamil terdapat komponen lain seperti penulisan karangan, tatabahasa dan kesusasteraan Tamil, namun pemahaman bacaan dipilih untuk kajian ini kerana pemahaman bacaan pelbagai jenis teks merupakan satu aspek yang asas dalam menguasai Bahasa Tamil. Di samping itu, wajaran bagi komponen ini adalah yang terbesar dalam peperiksaan SPM.

1.9 Definisi Operational

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, pengkaji telah menggunakan definisi operasional seperti yang berikut:

1.9.1 Pemahaman Bacaan

Wardhaugh (1969), menyatakan pemahaman bacaan ialah satu proses mencari makna melalui berinteraksi dengan tulisan dan lambang yang dibaca dalam teks. Manakala Kintsch (1998), menyatakan pemahaman bacaan terdiri daripada tiga proses. Proses pertama ialah pembaca memahami permukaan teks. Proses kedua ialah, Memahami idea-idea di dalam teks serta kaitkan antara satu sama lain ialah proses yang kedua. Proses ketiga ialah mengaitkan pemahaman bacaan yang diterima dalam proses kedua dengan pengetahuan yang sedia ada dalam diri pembaca untuk menyelesaikan masalah atau tugas. Mahzan Arshad (2001), menyatakan bahawa pemahaman bacaan merupakan satu proses pembentukan dan pemberian makna melalui interaksi antara pembaca dengan bahan yang dibaca.

Kajian ini menggunakan definisi Kintsch (1998), dimana murid dapat membaca permukaan teks yang diberikan dan seterusnya memahami secara mendalam teks tersebut dan seterusnya menjawab soalan tersurat dan soalan tersirat berkaitan dengan teks yang dibacanya. Jadi, semasa menjawab soalan pemahaman bacaan, khususnya soalan tersirat, murid memerlukan pengetahuan yang ada dalam diri murid seperti yang dinyatakan di dalam teori Kintsch (1998).

1.9.2 Bahasa Tamil

Nayak (2003), menyatakan Bahasa Tamil terdiri daripada dua komposisi iaitu Bahasa Tamil formal (*centamil*) dan Bahasa Tamil tidak formal (*koduntamil*). Bahasa Tamil formal ialah Bahasa Tamil yang standard bagi masyarakat Tamil di seluruh dunia. Manakala Bahasa Tamil tidak formal ialah Bahasa Tamil perbualan harian yang mengikut dialek tempat tinggal masing-masing. Kajian ini menggunakan Bahasa Tamil

formal (*centamil*) yang merupakan Bahasa Tamil yang standard bagi masyarakat India di seluruh dunia termasuk masyarakat India di Malaysia.

Bahasa Tamil ialah mata pelajaran pilihan atau elektif bagi murid India peringkat sekolah menengah di Malaysia. Mata pelajaran Bahasa Tamil bertujuan untuk melengkapkan murid India dengan kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dalam Bahasa Tamil dengan berkesan. Bahasa Tamil juga merupakan bahasa ibunda bagi hampir kesemua murid yang memilih Bahasa Tamil sebagai salah satu mata pelajaran dalam peperiksaan SPM.

1.9.3 Murid Tingkatan Empat

Pendidikan sekolah menengah di Malaysia ialah lanjutan kepada pendidikan sekolah menengah rendah (Tingkatan 1 – 3) dan pendidikan menengah atas (Tingkatan 4 dan 5). Secara umumnya, pendidikan sekolah menengah terdiri daripada tiga aliran utama, iaitu akademik biasa, agama serta teknik dan vokasional (KPM, 2019).

Murid tingkatan empat dalam kajian ini bermaksud murid dari sekolah menengah aliran akademik biasa yang memilih Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran pilihan peringkat tingkatan empat di SMK. Murid tingkatan empat ialah murid yang telah menduduki Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan dinaikkan ke tingkatan empat di SMK. Murid ini juga telah belajar Bahasa Tamil di SJKT dan menduduki peperiksaan UPSR. Hal ini bermakna murid tingkatan empat dalam kajian ini telah belajar Bahasa Tamil selama sembilan tahun, iaitu enam tahun di SJKT dan tiga tahun di SMK.

1.9.4 Soalan – soalan tersirat

KPM (2014), menyatakan pemikiran aras tinggi ialah keupayaan murid untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan

refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Hal ini termasuklah mencipta (menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif), menilai (membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi) dan menganalisis (mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan).

Soalan-soalan tersirat berdasarkan Bloom edisi semakan (2001), memberi kepentingan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi iaitu menganalisis, menilai dan mencipta. Menganalisis bermaksud mencerakinkan maklumat kepada bahagian yang lebih kecil dan merumuskan bahagian struktur keseluruhan maklumat yang mempunyai hubungan antara satu sama lain. Soalan-soalan tersirat yang berasaskan penilaian pula memerlukan murid berfikir secara kritikal berdasarkan kriteria dan standard. Soalan-soalan berkemahiran mencipta memerlukan murid mengumpulkan elemen untuk mereka sesuatu, menyusun, menjana dan menghasilkan semula elemen ke bentuk yang baharu. Jawapan bagi soalan-soalan pemahaman bacaan berbentuk tersirat iaitu tidak terdapat atau tersurat secara langsung dalam teks bacaan. Murid perlu berfikir dan menghubungkan maklumat dalam teks bacaan dengan pengetahuan sedia ada mereka untuk mengenal pasti jawapan bagi soalan-soalan yang dikemukakan.

1.9.5 Soalan-soalan tersurat

KPM (2014), menyatakan pemikiran aras rendah ialah keupayaan murid untuk mengingat (mengingat semula maklumat, fakta atau konsep), memahami (mengingat semula maklumat dan boleh menjelaskan idea dan konsep) dan mengaplikasi (menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara). Soalan-soalan tersurat dalam taksonomi Bloom edisi

semakan (2001), merujuk tiga tahap kemahiran terbawah iaitu mengingat, memahami dan mengaplikasi. Soalan tersurat dalam kajian ini merujuk soalan pemahaman bacaan yang jawapannya tersurat dalam teks bacaan. Antara kemahiran pemahaman bacaan mengingat ialah kebolehan mengimbas semula. Kemahiran memahami pula merangkumi aspek menterjemahkan idea daripada satu bentuk kepada bentuk lain, mentafsir idea dan menganggar trend. Kemahiran mengaplikasi pula ialah kebolehan menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi lain yang dihadapi dalam kehidupan seharian.

1.9.6 Jenis-jenis Petikan / Teks

PISA (2018), membahagikan teks bacaan kepada enam jenis, iaitu teks jenis deskriptif yang terdiri daripada sesuatu maklumat serta lokasinya dalam teks bacaan. Jenis yang kedua ialah teks naratif yang menceritakan kejadian dan rentetan sesuatu peristiwa. Teks eksposisi pula ialah jenis teks yang menerangkan serta menghuraikan sesuatu maklumat. Hujahan merupakan jenis teks yang keempat yang dinyatakan oleh PISA (2018) dan merupakan teks bertujuan untuk mempengaruhi pembaca terhadap sesuatu hujah. Jenis teks yang kelima ialah arahan. Ia merupakan jenis petikan yang memberi tunjuk cara. Jenis teks keenam yang diutarakan oleh PISA (2018) ialah transaksi, iaitu teks yang menyampaikan sesuatu tujuan yang khusus.

Mckenna dan Kear (1990), mengkategorikan petikan pemahaman bacaan kepada dua bentuk iaitu petikan yang berbentuk hiburan (naratif) dan petikan yang berbentuk akademik (ekspositori). Kedua-dua jenis petikan ini berbeza dari segi struktur dan bahasanya. Struktur teks jenis naratif berbentuk cerita. Murid boleh mengaitkan idea-idea dari petikan naratif dengan suasana persekitaran tempat tinggal mereka. Ini menyebabkan soalan pemahaman bacaan berkaitan dengan petikan jenis

naratif boleh dikaitkan dengan suasana persekitaran murid. Manakala teks ekspositori pula tidak boleh diramalkan oleh murid kerana strukturnya berbentuk abstrak. Hal ini menyebabkan murid tidak dapat mengaitkan soalan pemahaman bacaan petikan ekspositori dengan alam nyata. Teks naratif mempunyai maklumat yang lebih biasa berbanding dengan teks ekspositori. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji memilih petikan-petikan seperti yang diutarakan oleh McKenna dan Kear (1990) bagi menguji pemahaman bacaan murid.

1.9.7 Teks Jenis Ekspositori

Petikan teks ekspositori yang digunakan dalam kajian ini memaparkan maklumat secara teratur dan membolehkan murid membaca serta membuat analisis secara sistematik. Teks ekspositori juga merupakan jenis teks yang memberi penjelasan dan penerangan tentang sesuatu isu atau elemen. Contoh teks jenis ekspositori ialah esei berbentuk ilmiah, rajah atau jadual yang berkaitan dengan sesuatu isu, graf trend penduduk, peta konsep dan ensiklopedia.

1.9.8 Teks Jenis Naratif

Petikan jenis naratif ialah teks jenis maklumat berbentuk cerita. Cerita atau peristiwa berbentuk naratif membolehkan murid berfikir secara bebas tentang fakta yang terdapat dalam cerita atau peristiwa dalam teks yang dibaca tanpa dipengaruhi oleh penulis teks tersebut. Petikan jenis naratif yang digunakan dalam kajian ini ialah cerita pendek, biografi dan sajak mengenai sesuatu peristiwa.

1.9.9 Sikap Murid terhadap Bacaan

Walaupun terdapat pelbagai definisi berkaitan dengan sikap murid terhadap bacaan, Alexander dan Filler (1976) berpendapat sikap bacaan ialah perasaan seseorang murid yang menyebabkannya mendekati atau menjauhkan diri daripada situasi membaca. McKenna dan Kear (1990), pula melihat sikap membaca melalui dua dimensi, iaitu sikap terhadap bahan bacaan umum dan sikap terhadap bacaan buku-buku sekolah.

Kajian ini menggunakan definisi yang diutarakan oleh McKenna dan Kear (1990), iaitu sikap murid terhadap bahan bacaan yang berbentuk umum dan akademik serta definisi yang dinyatakan oleh Alexander dan Filler (1976), iaitu perasaan seseorang murid yang menyebabkannya mendekati atau menjauhi sesuatu situasi membaca. Kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa sikap murid terhadap bacaan dalam kajian ini merujuk perasaan seseorang murid yang menyebabkannya mendekati atau menjauhkan diri daripada bahan bacaan berbentuk umum dan bahan bacaan berbentuk akademik.

1.9.10 Pelibatan Ibu Bapa

Johari Talib (2007), menyatakan bahawa pelibatan ibu bapa adalah punca utama dan lebih dominan berbanding dengan sekolah dan masyarakat sekeliling. Bronfenbrenner (1939) menyatakan keluarga merupakan persekitaran utama yang sangat mempengaruhi perkembangan kanak-kanak.

Kajian ini menggunakan pendapat Bronfenbrenner (1939), yang menyatakan bahawa keluarga atau ibu bapa merupakan persekitaran utama yang sangat mempengaruhi perkembangan murid. Keluarga atau lebih khususnya ibu bapa ialah

orang yang paling dekat dengan anak-anak. Ibu bapalah yang bertanggungjawab untuk membentuk perwatakan anak-anak mereka. Proses ini bermula sejak seseorang anak itu lahir sehinggalah ia mencapai peringkat dewasa. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak menghabiskan masa yang lama bersama-sama keluarga.

Lantaran itu, pelibatan ibu bapa (PIB) dalam kajian ini merujuk pelibatan ibu bapa dalam aktiviti akademik anak-anak semasa mereka berada di rumah. Hal ini termasuklah penyediaan bahan-bahan bacaan seperti surat khabar, buku dan majalah, berbincang tentang bahan yang dibaca bersama-sama anak-anak mereka, mengamalkan sikap membaca yang positif supaya dapat dicontohi anak-anak, mengatur jadual waktu kepada anak-anak, memantau hasil kerja rumah anak-anak dan prihatin terhadap pendidikan anak-anak dengan menyediakan kemudahan fizikal seperti tempat khas untuk belajar atau bilik sendiri seperti meja, kerusi yang sesuai, komputer dan kemudahan internet untuk membuat kerja-kerja sekolah.

1.9.11 Pengekalan Bahasa

Pengekalan Bahasa Tamil ialah satu istilah yang digunakan untuk memelihara dan mengekalkan Bahasa Tamil daripada ditinggalkan oleh masyarakat India secara beransur-ansur dalam kehidupan seharian (Rajeni, 2018). Ramiah, (1991) pula menyatakan taat setia ibu bapa dalam masyarakat India terhadap pembelajaran Bahasa Tamil oleh anak-anak mereka merupakan satu aspek pengekalan Bahasa Tamil.

Kajian ini menggunakan istilah yang diutarakan oleh Ramiah (1991). Iaitu taat setia ibu bapa dalam masyarakat India terhadap pembelajaran Bahasa Tamil oleh anak-anak mereka di SMK. Selain itu, ia juga merujuk cara atau kaedah Bahasa Tamil dipelihara oleh masyarakat India supaya penggunaan Bahasa Tamil kekal relevan dari satu generasi ke generasi yang lain kerana Bahasa Tamil merupakan bahasa ibunda bagi